

Soalan 2:

SAYA berusia 22 tahun dan mempunyai teman lelaki yang sebaya. Saya kini memiliki diploma manakala dia hanya lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dia mempunyai perniagaan kecil-kecilan yang hanya dapat menampung kehidupannya sendiri saja.

Masalah saya ialah masa dan pendidikannya.

Kami jarang berjumpa. Dalam lima bulan, hanya tiga kali kami bertemu dan ini membuatkan saya bosan. Saya tahu, dia sayangkan saya, namun keluarganya yang terlalu mengongkong sehingga masa untuk dia keluar dihadkan.

Saya tidak menyalahkan teman lelaki sepenuhnya kerana mungkin keluarganya tidak mengetahui perhubungan kami. Saya memujuk di memberitahu keluarganya berkaitan hubungan di antara kami tetapi dia malu.

Saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan kerana sudah lama kami tidak berjumpa. Keadaan ini membuatkan saya mengambil keputusan memutuskan hubungan dengannya tetapi dia tidak ingin melepaskan saya.

Satu lagi masalah saya dengannya adalah dari segi pendidikan. Saya kini sedang belajar di institusi pengajian tinggi swasta di peringkat ijazah. Saya takut untuk terus serius dengannya kerana bimbang keluarga saya tidak merestui perhubungan ini walaupun mereka tidak pernah menghalang berkawan dengannya.

Saya sudah puas memujuknya untuk menyambung pelajaran sekurang-kurangnya di peringkat sijil selain SPM. Dengan adanya sijil berkenaan, ia boleh membantunya menambahkan pendapatan sekali gus memajukan perniagaannya.

Saya keliru dengan kehidupan ini dan tidak tahu apakah tindakan yang patut dilakukan. Tolonglah saya.

Kekasih malu dedah hubungan

Gadis mula rasa bosan apabila begitu sukar bertemu kekasih



LARIS...90 peratus rezeki datang daripada berniaga. - Gambar hiasan

Gadis rusing, Kuantan, Pahang.

Jawapan 2:

Adik, Dr ucapkan terima kasih kerana sudi berkongsi masalah yang dihadapi. Namanya banyak faktor yang boleh menghalang perhubungan antara adik dan teman lelaki berjalan dengan baik.

Perbezaan taraf pendidikan, jarak waktu bertemu

dan sikapnya yang tidak berterus terang mengenai perhubungan adik berdua kepada keluarganya adalah faktor yang akan menghalang perhubungan ini.

Sikapnya yang merahsiakan hubungan adik dengannya menunjukkan seolah-olah dia tidak berusaha untuk menjayakan perhubungan ini walaupun dia tidak ingin melepaskan adik.

Teman lelaki adik perlu

membuang sikap malunya untuk berterus terang mengenai perhubungan adik berdua kepada keluarganya.

Jika sikap malu teman lelaki adik itu berterusan, adik pastinya tidak ada masa untuk berjumpa dengannya kerana keluarganya akan terus menghadkan peluang untuk berjumpa dengannya.

Jarak waktu yang lama untuk berjumpa juga akan memberi kesan kepada sesuatu

perhubungan. Sekiranya adik dan teman lelaki benar-benar serius dalam perhubungan ini, adalah lebih baik pertemuan lebih kerap dilakukan. Ini juga boleh mengelak perasaan bosan adik.

Bagaimanapun, pertemuan ini perlu dilakukan mengikut tata susila sepatutnya.

Seperti yang diperkatakan, ada kalanya perbezaan taraf pendidikan akan memberi kesan kepada sesuatu perhu-

hubungan walaupun ia bukanlah faktor penentu.

Sememangnya jika taraf pendidikan tidak begitu jauh berbeza, ia satu situasi baik walaupun banyak lagi elemen lain seperti sifat berterus terang, sayang menyayangi antara satu sama lain yang dapat mewujudkan perhubungan itu berjalan dengan baik.

Bagus juga jika adik dapat memujuk teman lelaki untuk melanjutkan pelajaran. Seperti yang adik katakan, pendidikan boleh membantu menambahkan pendapatan sekali gus memajukan perniagaannya.

Bagaimanapun, dalam bidang perniagaan, seseorang yang tidak mempunyai kelayakan pendidikan yang tinggi boleh berjaya jika ia menjalankan perniagaan itu dengan bersungguh-sungguh.

Dalam bidang perniagaan, ia adalah sesuatu yang baik jika dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Masa depan yang cerah sentiasa menanti mereka yang berjaya dalam perniagaan. Perniagaan yang dimulakan secara kecil-kecilan jika dilakukan secara gigih akan berkembang menjadi perniagaan yang berjaya.

Sama ada adik ingin meneruskan perhubungan ini atau tidak, ia terletak di tangan adik. Adik berhak menentukan perjalanan hidup adik dan memikirkan baik buruk sesebuah perhubungan.

Jika adik berasakan perhubungan ini lebih banyak mendatangkan kesan negatif, adalah lebih baik adik memutuskan dengan segera.

Bagaimanapun, jika adik ingin meneruskan perhubungan ini, adik perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan perhubungan ini.

Adik juga tidak perlu berasa bahawa keluarga tidak akan merestui perhubungan ini kerana mereka tidak pernah menghalang adik untuk berkawan dengannya.

Mahu jadi kaunselor, ibu paksa jadi guru

Soalan 2:

SAYA seorang siswi di sebuah institut pengajian tinggi awam. Saya menghadapi masalah iaitu sama ada ingin memilih kerjaya yang diminati atau mengikut keinginan ibu.

Ibu mahukan saya menjadi guru. Saya pula ingin menjadi kaunselor. Saya kini serba salah dan takut ibu akan memarahi saya jika ingkar.

Saya tidak minati kerjaya guru dan kini belajar dalam bidang kaunseling.

Gadis keliru, Sungai Petani, Kedah

Jawapan 1:

DR amat gembira kerana adik mempunyai cita-cita yang ingin dilaksanakan sebaik saja tamat belajar. Kedua-dua kerjaya itu

sebenarnya adalah baik mengikut perspektif masing-masing.

Bagaimanapun, dalam merealisasikan cita-cita itu, adik perlu berbingung dan menerangkan kepada ibu mengapa adik berminat menjadi kaunselor.

Adik perlu menerangkan kebaikan kerjaya seorang kaunselor. Jelaskan juga mengapa adik tidak mahu

menjadi seorang guru dan bukannya kerana kerjaya itu tidak bagus.

Katakan juga kepada adik berminat menjadi kaunselor. Tambahan pula, adik kini sedang menuntut dalam jurusan kaunseling. Memilih kerjaya yang diminati akan menjadikan adik lebih bermotivasi dalam kerjaya nanti. Semoga berjaya.



MULIA...kerjaya sebagai guru dipandang tinggi. - Gambar hiasan